

Tadika & Tasoka

Penglibatan PERTIWI dalam pengendalian tadika pertamanya di kampung Sungai Midah, Kuala Lumpur yang mendapat sambutan hebat diteruskan di setiap kampung yang diangkatnya. Tadika di Kampung Sungai Midah yang bermula pada tahun 1969 terpaksa diberhentikan apabila kampung itu mula dirancang untuk pembangunan secara besar-besaran.

Tadika di kampung Kuantan, Kuala Selangor bermula dalam tahun 1973 dengan pelajar seramai 20 orang. Tadika Kampung Kuantan dilibatkan dalam setiap kegiatan tadika-tadika PERTIWI seperti mengadakan sukan mini dan pada hari tamat pengajian pada akhir tahun.

Di Petaling Jaya PERTIWI memulakan tadika pertamanya di Masjid Seksyen 16, Petaling Jaya dalam tahun 1974. Tadika ini adalah di bawah kawalan ahli Jawatankuasa PERTIWI.

Sebuah tadika juga dibuka di kawasan perumahan Shah Alam dalam tahun 1975. Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) terlibat penuh dengan menyediakan perumahan bagi tadika tersebut.

Di kampung Sungai Nibong Besar, Pulau Pinang tadika PERTIWI mula dijalankan dalam tahun 1975. Tadika ini diawasi oleh Persatuan Belia 4B Sungai Nibong. Tadika tersebut berjalan sehingga tahun 1984.

Sebuah lagi tadika dibuka di Jalan Kemajuan, Petaling Jaya dalam tahun 1977 yang ditempatkan di sebuah rumah yang disewa oleh PERTIWI. Tadika ini bukan sahaja mengambil kanak-kanak di peringkat prasekolah tetapi juga di peringkat nursery. Tadika di Jalan Kemajuan ini terletak dalam suasana selesa di dalam bangunan yang lengkap dengan kawasan di mata ditempatkan alat-alat permainan. Tadika ini terpaksa ditutup pada tahun 1982 apabila PERTIWI membuka tadika barunya di bangunan yang disediakan khas untuknya di Kelana Jaya. Tadika Kelana Jaya yang ditempatkan di bangunan Taman Rekreasi Kanak-kanak mula beroperasi dalam bulan Ogos 1981. Bangunan yang disediakan oleh PKNS dapat menempatkan beberapa buah kelas tadika. Bangunan yang dibina khusus untuk kanak-kanak ini lengkap dengan kemudahan-kemudahan comel yang sesuai dengan kehendak dan

selera kanak-kanak. Bangunan ini merupakan satu-satunya projek di Negara ini yang didedikasikan kepada kanak-kanak sempena Tahun Kanak-kanak Antarabangsa 1979.

Pada tahun 1983, PERTIWI telah membuat keputusan untuk membuka sebuah Tasoka, iaitu bagi penjagaan bayi dan anak-anak di sebuah tempat yang disewa khas daripada PKNS. Bangunan ini ialah dua buah rumah berkembar yang disatukan dengan diubah suai menepati kehendak sebuah tasoka. Tasoka PERTIWI terletak di Jalan SS 3/53, Petaling Jaya. Pada hari awal- awalnya sambutan yang diterima. Tetapi setelah beroperasi selama beberapa bulan PERTIWI telah menghadapi masalah dari segi kekurangan anak- anak untuk dijaga. Ibu- ibu didapati menggunakan kemudahan tasoka hanya apabila mereka ketiadaan pembantu di rumah. Ketiadaan anak-anak bermakna ketiadaan pendapatan. Tenaga kerja tasoka yang terlatihitu perlu mendapat ganjaran yang sepatutnya. Akhirnya pada tahun 1985, setelah jawatankuasa berbincang berkali-kali, tasoka tersebut terpaksa ditutup.

Pengendalian projek-projek tadika atau tasoka, PERTIWI menepati garis panduan yang ditetapkanoleh kerajaan. Peranan tasoka adalah semata-mata untuk memberi jagaan kepada anak-anak kecil dengan cara yang paling teratur, lengkapdengan keperluan kesihatan, psikologi dan lain- lain lagi. Anak-anak yang lebih besar yang belajar di tadika pula didedahkan kepada pembelajaran dengan secara tidak langsung. Meraka digalakkan bermain dan bergaul sesama sendiri.